

Nama:

Kelas:

Tarikh:



Praktis Ekstra *Morfologi*

Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan senaraikan **dua kata kerja pasif** dan **dua kata bilangan**. Kemudian anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Sistem kardiovaskular ialah sistem badan yang merangkumi jantung dan tisu saluran darah. Seluruh bahagian jantung terdiri daripada otot yang berperanan untuk mengepam darah ke setiap bahagian badan. Kitaran darah dibahagikan kepada dua, iaitu sistem peredaran darah pulmonari dan sistemik. Darah yang dipam ke seluruh badan bukan hanya menjalankan peranan sebagai media pengangkutan bagi nutrisi dan gas, tetapi juga sebagai saluran komunikasi antara bahagian badan dengan mengalirkan mesej-mesej kimia melalui hormon-hormon yang dihasilkan oleh kelenjar endokrin.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Anatomi Manusia: Bagaimana Tubuh Badan Berfungsi'
oleh Nurul Aisyah Alisah, Synergymedia, 2020
